

Larian Belon Memeriahkan Sambutan Hari Jantung Sedunia



September, 30 September- Bersempena Sambutan Hari Jantung Sedunia 2017 baru-baru ini, Sekretariat Genesis Siswa Sihat (GENESIS) dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA) Universiti Malaysia Pahang (UMP), Jabatan Kesihatan Negeri Pahang (JKNP), Pusat Kesihatan Universiti UMP dan Kelab Mahasiswa Paya Besar telah mengadakan Majlis Perasmian Penutup Hari Jantung Sedunia dan Pelepasan Ballon Run 2017 bertempat di Dataran Canseleri, UMP Kampus Gambang.

Seramai lebih 1000 orang peserta berkumpul seawal jam 6:00 pagi bagi sesi pendaftaran. Larian sejauh 7 kilometer peringkat individu itu terbahagi kepada tiga kategori iaitu veteran, senior dan junior manakala jarak 3.5 kilometer adalah larian bersama keluarga.

Program dimulakan dengan upacara perasmian oleh Pengurus Jawatankuasa Kesihatan, Sumber Manusia dan Tugas-Tugas Khas Negeri, YB. Dato' Norol Azali Sulaiman dan seterusnya aktiviti senamrobik sebagai acara pemanas badan dan pelepasan larian para peserta pada jam 8.30 pagi.



Menurut Dato' Norul, sambutan Hari Jantung Sedunia, dengan tema tahun ini iaitu Love Your Heart Share The Power disambut pada 29 September setiap tahun untuk meningkatkan kefahaman dan kesedaran masyarakat tentang pentingnya menjalani hidup sihat dan menjaga pemakanan.

"Keadaan kini telah berubah, teknologi semakin canggih, beban kerja yang semakin bertambah dan lambakan makanan segera menyebabkan kebanyakan masyarakat kini mengambil jalan mudah dalam mengurus diri dan pemakanan sehari-hari.



Tambahnya lagi, kempen ini juga mengajak masyarakat untuk mengamalkan cara hidup sihat, pemakanan seimbang, senaman dan menghentikan tabiat merokok yang merupakan punca utama kepada penyakit jantung.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor, Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA), menghargai usaha Kelab GENESIS dan warga UMP dalam usaha membudayakan aktiviti ataupun program cara hidup sihat. Beliau menyeru kepada semua yang hadir agar mengambil langkah awal menjaga jantung serta kerap beriadah dan bersukan agar jantung sentiasa sihat.



Pelbagai aktiviti menarik turut disediakan sepanjang minggu sambutan Hari Jantung Sedunia yang bermula pada 24 sehingga 30 September 2017 antaranya Bowling "One Hearts One Bowl", Gen-y Health Talk : From the Heart For the Heart, Gen-y Health Talk 2.0 : Gen-Y vs Lifestyle, pameran kesihatan & derma darah, pertandingan mewarna dan gerai jualan.

Turut hadir Ketua Pusat Kesihatan UMP, Dr Khairul Salleh Abd Basit, Pengurus Kelab Mahasiswa Paya Besar, Mohd Shahar Abdullah, Penasihat GENESIS, Nasrul Salim Pakheri dan Roshida Su'aida Adnan, Pengarah Program, Mohamad Ikhmal Idham Ali Yasak dan Yang diPertua Majlis Perwakilan Pelajar UMP, Muhammad Amrun Aniq Mohamad Saidi.

Acara berakhir dengan sesi penyampaian hadiah kepada semua pemenang bagi setiap kategori berupa wang tunai dan plak serta cabutan bertuah.



Berita disediakan oleh Siti Sarah Mohamad Rajimi dari Bahagian Komunikasi Korporat.

Posted By : NORHIDAYAH BINTI MOHAMAD Date Posted : 03-10-2017, 12:30:38